

Publication : Bernama

Format : Hardcopy

Title : Cabang Multimedia FSBM sasar 1.5 juta pengguna UNOS PRO

Date : 13 May 2008

Cabang Multimedia FSBM sasar 1.5 juta pengguna UNOS PRO

PETALING JAYA, 13 Mei (Bernama) -- Cabang multimedia dan komunikasi FSBM Holdings Bhd menyasarkan 1.5 juta pengguna bagi penyelesaian telefon mudah alih berkost rendah terbarunya iaitu UNOS PRO. Perisian UNOS PRO membolehkan para pengguna berjimat ke atas caj-caj perayauan antarabangsa dan SMS dalam lingkungan komuniti antarabangsa UNOS.

"Kami menawarkan apa yang syarikat-syarikat telekomunikasi tidak boleh dan tidak akan tawarkan kepada para pengguna mudah alih seluruh dunia," kata Ketua Pegawai Eksekutif unit multimedia dan komunikasi FSBM, Michael Ta semasa sidang media hari ini untuk memperkenalkan apa yang ditawarkan oleh produk itu.

Ta menjelaskan yang teknologi mampatan UNOS PRO memampatkan data sehingga sebanyak 70 peratus untuk penjimatan ke atas caj-caj data.

"Least Cost Routing" syarikat juga membantu para pengguna terhadap caj-caj perayauan semasa mengembara.

Beliau berkata pada masa ini, terdapat 35,000 pelanggan seluruh dunia untuk UNOS PRO dengan sebahagian besarnya dari Malaysia.

Para pengguna kini mempunyai pilihan pengendali perkhidmatan bergilir dan pada masa yang sama mengekalkan kad SIM, telefon, nombor telefon dan pengendali mereka.

Dengan memuat turun rumusan UNOS PRO ke dalam telefon mudah alih, perisian PBX mudah alih percuma dan ciri-ciri penyampaian perkhidmatan lain seperti memeriksa tarikh luput lesen JPJ, pembaharuan semula dan pembayaran lesen, pertanyaan mengenai saman polis, penyata akaun dan caruman KWSP dan perbankan mudah alih turut tersedia.

Perkhidmatan menerusi akses ke telefon yang ada ciri-ciri GPRS, 3G, EDGE, WiFi dan WIMAX menyediakan penjimatan IDD atau dial terus Antarabangsa sebanyak 30-50 peratus dan panggilan perayauan 85 hingga 92 peratus.

Panggilan suara di China boleh menyaksikan kos sebanyak 79 sen seminit dengan menggunakan platform UNOS PRO.

Sejak pelancaran tidak rasmi UNOS PRO pada 10 Mac tahun ini, UNOS telah berjaya menarik para pelanggan dari lebih 75 negara, kata beliau.

UNOS PRO mempunyai empat hab fizikal berlokasi di Malaysia, Hong Kong, Beijing dan London untuk memberi perkhidmatan kepada lebih daripada 195 negara seluruh dunia.

Selain daripada menawarkan para pelanggan dengan emel percuma, SMS dan ciri-ciri suara, UNOS turut menawarkan platform untuk usahawan, institusi kerajaan, pembekal kandungan dan pembekal perkhidmatan bagi menjangkau para pengguna mudah alih.

"Kita melihat kepada ARPU atau Pendapatan Purata Setiap Unit bagi pengembara antara RM50-80 sebulan," kata beliau.

Ta berkata terdapat juga rancangan untuk mewujudkan hab penyelidikan dan pembangunan (R&D) di China bagi menguasai pasaran yang besar di sana di samping menerokai teknologi berkemahiran negara itu.

"Kami menyasarkan 20 peratus pertumbuhan bagi pendapatan tahunan dengan memanfaatkan pasukan R&D kami. Setiap tahun, unit kami menyumbangkan pendapatan kira-kira RM10-12 juta kepada syarikat pegangan (FSBM Holdings Bhd)," kata beliau.

Ta juga berkata yang RM5 juta telah dilabur untuk memajukan produk inovatif UNOS PRO.

"Selepas lebih daripada tiga tahun R&D dijalankan oleh jurutera perisian berkemahiran tinggi, versi Beta UNOS Pro dilancarkan," kata beliau.